

## **031 KRISIS AKHLAK: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG SEBAGAI BENTENG MENANGANINYA**

**Azizah Binti Mat Rashid, Nor 'Adha Binti Abdul Hamid,  
Norul Huda Binti Bakar**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

*azizahrashid@kuis.edu.my, noradha@kuis.edu.my, norulhuda@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Akhhlak sangat penting dalam mencorakkan kehidupan setiap individu kerana ia menentukan tingkahlaku dan perbuatan sama ada baik atau sebaliknya. Masyarakat kita pada hari ini dicemari dengan pelbagai krisis akhlak merangkumi tingkahlaku dan perbuatan tidak bermoral seperti berkelakuan tidak sopan di tempat awam, sumbang mahram dan zina yang akhirnya menyebabkan kelahiran anak luar nikah. Hal ini menggambarkan betapa masyarakat kita sedang berhadapan dengan masalah keruntuhan akhlak yang sangat serius. Kajian ini dibuat bagi mencari penyelesaian terhadap masalah keruntuhan akhlak melalui pendekatan undang-undang. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menganalisis dokumen-dokumen seperti peruntukan undang-undang, jurnal, artikel dan penulisan ilmiah berkaitan. Kajian mendapati terdapat beberapa peruntukan berkaitan akhlak dalam Undang-undang Jenayah Syariah yang boleh menjadi benteng utama dan digunakan bagi tujuan menangani masalah keruntuhan akhlak. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan terhadap peruntukan tersebut perlu dilakukan secara serius bagi memastikan keberkesanannya pelaksanaannya.

**Kata Kunci:** Krisis Akhlak, Keruntuhan Akhlak, Penyelesaian, Undang-undang, Penguatkuasaan, Pelaksanaan.

## PENGENALAN

Akhhlak difahami sebagai sikap, sifat atau tingkahlaku yang menentukan peribadi atau perlakuan seseorang. Miskawiah mendefinisikan akhlak sebagai suatu hal ataupun situasi kejiwaan yang mendorong seseorang insan melakukan perbuatan dengan senang tanpa berfikir dan memerlukan perancangan yang rapi. Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu pertama, ia bersifat tabii dan semulajadi seperti seorang cepat marah disebabkan perkara-perkara kecil atau seseorang mudah berasa takut untuk menghadapi sesuatu peristiwa remeh, seperti takut dengan bunyi bising atau takut dengan berita yang didengar. Kedua, situasi kejiwaan yang diperoleh oleh seseorang melalui adat kebiasaan dan disiplin diri. Akhlak jenis ini mungkin bermula dalam pemikiran dan dideliberasi seseorang, tetapi lama kelamaan dan dengan sokongan amalan yang konsisten, ia beransur berubah menjadi tabiat dan akhlak seseorang (Mohd. Nasir Omar, 2005). Miskawiah merupakan seorang sarjana Islam yang banyak menulis dalam bidang sejarah, falsafah dan etika (S. M. Ziauddin Alavi, 1988). Merujuk kepada definisi akhlak dan jenis pembahagiannya sebagaimana yang diberikan oleh Miskawiah, adalah difahami bahawa akhlak merupakan sesuatu sifat atau tingkah laku peribadi yang boleh dibentuk.

Imam al-Ghazali mendefinisikan akhlak sebagai suatu disposisi yang mantap dalam jiwa manusia dan darinya segala perbuatan terhasil dengan mudah tanpa melibatkan daya pemikiran dan deliberasi. Sekiranya disposisi tersebut menghasilkan perbuatan yang mulia, iaitu perbuatan yang mulia menurut akal dan syariat, maka disposisi tersebut dinamakan akhlak yang baik. Jika sebaliknya, ia merealisasikan perbuatan yang buruk direalisasikan, maka ia dinamakan akhlak yang buruk (Mohd. Nasir Omar, 2005). Berdasarkan kepada takrifan yang diberikan oleh Imam al-Ghazali, ia menunjukkan bahawa pada dasarnya, Imam al-Ghazali bersetuju dengan definisi akhlak yang diberikan oleh Miskawiah, tetapi telah membuat sedikit modifikasi.

Memandangkan Miskawaih berpandangan bahawa akhlak boleh dikawal dan dibentuk, beliau berhujah bahawa jika akhlak seseorang tidak dapat dibentuk dan diperbaiki, maka syariah, kenabian, latihan, pendidikan, disiplin, nasihat, sekolah, universiti, undang-undang, kerajaan dan sebagainya sudah tentu akan menjadi tidak perlu dan tidak bermakna lagi (Mohd. Nasir Omar, 2005). Hujah ini secara tidak langsung mengiktiraf bahawa syariah dan undang-undang perlu dan masih relevan digunakan untuk mengawal, mengubah serta membentuk sesuatu akhlak. Sehubungan dengan ini, kajian untuk mencari penyelesaian terhadap masalah keruntuhan akhlak melalui pendekatan undang-undang adalah wajar diberi perhatian.

## **KEPENTINGAN AKHLAK**

Akhlik penting sebagai indikator atau kayu ukur dalam pembangunan sesebuah tamadun bangsa. Akhlak yang baik akan melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai jatidiri yang tinggi. Oleh yang demikian, tanggungjawab membentuk akhlak merupakan satu agenda yang besar sehingga Allah swt telah mengutuskan seorang nabi bagi tujuan tersebut. Rasulullah saw bersabda dalam sebuah hadis "Bahawasanya aku ini diutus untuk menyempurnakan akhlak" (riwayat Ahmad, al-Hakim dan Baihaqi).

Ukuran kepada kemajuan sesebuah masyarakat dan negara perlu bersandarkan kepada indikator seperti penghayatan nilai murni, akhlak mulia dan etika ketamadunan yang baik. Ia merangkumi peningkatan taraf sosial masyarakat berkaitan aspek keagamaan, moral dan pengamalan gaya hidup sihat yang disulami dengan kefahaman dan penghayatan yang baik meliputi rohani, jasmani, emosi serta intelek yang seimbang. (Dato' Hj. Abdul Majid bin Omar Timbalan Mufti Selangor, 2012). Berdasarkan kepada penjelasan ini, dapatlah difahami bahawa kecerdikan akal atau kecanggihan teknologi semata-mata bukanlah merupakan indikator sebenar dalam mengukur ketinggian sesebuah tamadun.

Di samping kepentingan akhlak sebagai indikator dalam pembentukan tamadun, pembinaan akhlak yang baik turut mempunyai perkaitan dengan soal ibadah. Allah swt berfirman dalam al-Quran yang bermaksud, "Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepadaku" (Az-Zaariyat:56). Allah swt menyeru hambaNya yang beriman supaya menerima Islam dan mengamalkan ajarannya secara menyeluruh dengan firmanNya yang bermaksud "Wahai orang-orang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya" (surah al-Baqarah: 208). Apa yang boleh difahami di sini, setiap amalan dan perbuatan manusia hendaklah berlandaskan ajaran Islam secara keseluruhannya meliputi aspek ibadah, akhlak, muamalah dan sebagainya. Allah swt memberi jaminan dalam al- Quran bahawa "sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan

mungkar" (al-Ankabut: 45). Seseorang yang mempunyai keteguhan aqidah serta tekun beribadah seharusnya memiliki akhlak yang mulia dan bersopan santun dalam pergaulannya sesama manusia. Maka persoalan akhlak bukanlah persoalan yang tersendiri, bahkan ia saling berhubungan dengan persoalan aqidah dan ibadah (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2007). Masyarakat yang dibentuk berdasarkan kelompok individu yang pincang akhlaknya membuktikan bahawa masyarakat tersebut mempunyai kekuatan aqidah dan iman yang lemah.

Rasulullah saw telah menjelaskan bahawa iman dapat melahirkan akhlak dan budi pekerti yang baik, jika sebaliknya, maka rosaklah akhlak dengan bersabda "Rasa malu dan iman adalah sama, apabila salah satu daripadanya hilang, maka yang lain akan hilang juga" (hadis riwayat al-Hakim dan at-Tabarani). Hakikatnya, keruntuhan akhlak seperti sumbang mahram, khalwat, zina dan hamil luar nikah telah berlaku dalam masyarakat pada hari ini telah memadai untuk membuktikan bahawa rasa malu yang sepatutnya menjadi lambang keimanan seseorang telah hilang dan mencemarkan identiti Islam.

Rasulullah saw sangat menekankan akhlak yang baik di mana baginda bersabda ketika ditanya "Manakah antara kaum mukminin itu yang terbaik keimanan mereka, maka baginda menjawab: "ialah yang terbaik budi pekerti mereka di kalangan mereka itu" (diriwayatkan oleh Abu Daud, at-Tirmizi dan lain-lain). Hakikat daripada pengertian budi pekerti ialah satu bentuk dari sesuatu jiwa yang benar-benar telah meresap dan daripada situlah timbulnya berbagai perbuatan dengan cara spontan dan mudah tanpa dibuat-buat dan tanpa memerlukan pemikiran dan angan-angan. (Johari Yaman, Azhari bin Hj Ibrahim, 2010). Penulis berpandangan bahawa proses pembentukan jiwa ini perlu dimulakan dari seawal peringkat kanak-kanak agar ia sebatasi sepanjang usia.

Dalam hadis lain, Abdullah bin Amr meriwayatkan: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda: "Inginkah kalian, aku memberitahu siapa di antara

kalian yang paling aku cinta dan paling dekat denganku pada hari kiamat? Pertanyaan itu diulang dua tiga kali." Para sahabat menjawab "Ya, kami mahu ya Rasulullah." Baginda kemudian menegaskan: "Yang terbaik akhlaknya di antara kalian". Hadis ini secara jelas menerangkan bahawa golongan yang paling dicintai dan paling hampir dengannya pada hari kiamat ialah yang memiliki akhlak terbaik. Maka, adalah menjadi satu kerugian bagi mereka yang memiliki akhlak yang buruk dan tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan berakhlaq mulia.

Akhlaq dan kesopanan telah digariskan sebagai ciri yang kelima dalam membentuk sebuah masyarakat Islam. Ia merujuk kepada masyarakat adil, ihsan, kebajikan, kerahmatan, kebenaran, amanah, kesabaran, kesetiaan, sifat malu, kesucian, kemuliaan, tawadduk, pemurah, berani, kesatriaan, keutamaan, dedikasi, pengorbanan, bermaruah, membantu, kebersihan, berhias, berjimat, berhemat, bertolak ansur, berlembut, nasihat-menasihati, saling membantu, menjaga kehormatan, mengawal hawa nafsu, marah kerana benar, cintakan kebaikan, mendahulukan kepentingan orang lain, berbuat baik kepada kesemua makhluk terutama kepada ibu bapa, memelihara hubungan silaturrahim, menghormati jiran, menyeru manusia ke arah kebaikan, amar ma'ruf nahi mungkar... serta setiap sifat mulia, ciri-ciri terhormat dan budi pekerti yang luhur (Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi 2012). Ciri-ciri masyarakat Islam yang digariskan ini menuntut masyarakat Islam memelihara maruah, kehormatan diri dan mengawal hawa nafsu. Namun, realiti masyarakat kita pada hari ini telah menunjukkan keperibadian yang bertentangan dengan ciri yang perlu ada dalam membentuk masyarakat Islam.

Krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini telah membawa kepada pelbagai masalah sosial seperti, budaya lepak, sumbang mahram, berkelakuan tidak sopan di khalayak umum, hamil luar nikah dan apa yang lebih membimbangkan ialah peningkatan kes buang bayi. Pendekatan pencegahan yang digunakan dalam menangani krisis ini perlu dilakukan secara holistik meliputi pelbagai aspek seperti mengarusperdanakan

pendidikan agama atau sivik, pendekatan agama dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, psikologi, perundangan, dan sebagainya.

**UNDANG-UNDANG                            SEBAGAI                            BENTENG  
MENANGANI/MEMBANTERAS KRISIS AKHLAK**

Allah swt berfirman dalam al-Quran yang bermaksud: "Sesungguhnya kami telah mengutuskan rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah kami turunkan bersama mereka al-kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan (al-Hadid: 25). Allah swt berfirman dalam ayat lain yang bermaksud "Sesungguhnya kami telah menurunkan al-Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah swt wahyukan kepadamu (al-Nisa': 105). Kedua-dua ayat ini menunjukkan kepentingan undang-undang dan penghakiman dalam kehidupan bagi mengatur perlakuan manusia.

Pandangan Fuqaha' seperti Ibn Abidin dan Ibn Humman menjelaskan bahawa kesiksaan ataupun hukuman wajar dilihat sebagai satu mekanisme pencegahan daripada melakukan sesuatu kesalahan dan pembalasan selepas melakukannya (Dr. Siti Zubaidah Ismail, 2013). Pandang ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi bahawa pensyariatan atau perundangan merupakan nilai kekuatan yang utama bagi sesebuah masyarakat. Sesebuah masyarakat memerlukan kepada perundangan untuk mengatur perhubungannya dan menghukum sesiapa yang menyeleweng dari kaedahnya sama ada perundangan ini turun dari langit atau keluar dari bumi. Hati nurani dan dorongan-dorongan jiwa tidak mencukupi buat manusia secara umum untuk memelihara keselamatan masyarakat serta strukturnya dari segi material dan moral, serta menegakkan keadilan di kalagan manusia (Yusuf Qardhawi, 2012). Pandangan ini sangat relevan dan bersifat realistik kerana melihat kepada situasi semasa, keruntuhan akhlak yang membimbangkan menunjukkan bahawa penghayatan terhadap nilai-nilai Islam yang ada dalam diri tidak mencukupi untuk menghalang sekelompok individu dalam masyarakat daripada terlibat dalam keruntuhan akhlak.

Sekiranya diketahui bahawa zina itu adalah satu jenayah kemasyarakatan yang akan memudharatkan masyarakat, tetapi ia tidak memberi apa-apa kesan kepada pelakunya dengan sekadar pemenjaraan atau denda, maka hendaklah dikenakan hukuman yang lebih berat. Ini kerana memelihara kepentingan awam dengan menyakiti pesalah dengan hukuman yang berat adalah lebih baik daripada menolak kesakitan dari penjenayah dan mendedahkan masyarakat keseluruhannya kepada bahaya yang lebih besar (Dr. Yusuf al-Qardhawi, 2012). Memandangkan undang-undang berperanan sebagai mekanisme pencegahan, maka kewujudan peruntukan undang-undang seharusnya berkesan menangani krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat. Namun, apa yang menghairankan, krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini semakin membimbangkan. Persoalannya, mengapa kewujudan undang-undang pada hari ini seolah-seolah tidak mencapai objektif perundangan sebenar? Persoalan ini memerlukan satu kajian khusus bagi melihat keberkesanan undang-undang sedia ada dalam menangani krisis akhlak di Malaysia.

Bagi melihat undang-undang yang digunakan dalam menangani krisis berhubung akhlak, penulis merujuk kepada undang-undang jenayah Islam. Di Malaysia, undang-undang ini merujuk kepada peruntukan-peruntukan tentang hukum jenayah Islam di bawah kuasa-kuasa Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia (Faizah Hj Ismail, 2007). Bagi tujuan penulisan ini, penulis telah meneliti Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 sebagai contoh kajian bagi undang-undang Jenayah Syariah. Penulis mencadangkan supaya Undang-undang Jenayah Syariah negeri lain turut dikaji dan dianalisa bagi melihat peruntukan yang berkaitan. Terdapat beberapa peruntukan berkaitan akhlak dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 yang mana telah diklasifikasikan di bawah kesalahan berhubungan dengan kesusilaan seperti berikut:

<b>Seksyen</b>	<b>Kesalahan/ Hukuman</b>
22.	Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang mahram adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
23.	Mana-mana orang perempuan yang melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.  (2) Mana-mana orang yang:-  (a) melacurkan isterinya atau anaknya atau kanak-kanak dalam peliharaannya; atau  (b) menyebabkan atau membenarkan isterinya atau anaknya atau kanak-kanak dalam peliharaannya melacurkan diri,  adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
24.	Mana-mana orang yang bertindak sebagai muncikari adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
25.	(1) Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu

	<p>kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p> <p>(2) Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p> <p>(3) Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya dan sedang dia sedar tentang perbuatannya adalah keterangan <i>prima facie</i> tentang pelakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu.</p> <p>(4) Bagi maksud subseksyen (3), seseorang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan qamariah dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah.</p>
26.	Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, walaupun perbuatan itu tidak sampai ke tahap suatu percubaan untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 25, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
27.	Mana-mana orang yang melakukan hubungan jenis dengan orang yang sama jantina dengannya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

28.	Mana-mana orang yang melakukan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii dengan mana-mana lelaki, perempuan atau binatang adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
29.	<p>(1) Mana-mana:-</p> <p style="margin-left: 2em;">(a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya;</p> <p style="margin-left: 2em;">(b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya,</p>
	di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Sumber: Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995**

Analisa yang dibuat terhadap peruntukan undang-undang di atas mendapati bahawa kebanyakan peruntukan tersebut boleh digunakan bagi menangani krisis akhlak berkaitan maruah diri atau kesusilaan yang berlaku di kalangan remaja Islam. Penulis berpandangan bahawa peruntukan tersebut turut wujud dalam enakmen jenayah syariah negeri-negeri lain dan ia wajar dikaji dalam aspek keberkesanan dan impak kepada masyarakat sebagai usaha menangani krisis berhubung akhlak secara menyeluruh. Hukuman yang boleh

dikenakan bagi kebanyakan kesalahan di atas ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Persoalannya, adakah pelaksanaan hukuman bagi kesalahan tersebut mampu dan berkesan menangani krisis akhlak yang serius dan membimbangkan? Penulis berpandangan bahawa Undang-undang yang lengkap tanpa keberkesanan pelaksanaannya akan menjadi sia-sia. Oleh itu, beberapa prinsip hukuman berikut seperti yang digariskan oleh Abd Qadir Audah perlu diambil kira (Zaini Nasohah, 2008).

“Hukuman hendaklah menjadi pencegah perlakuan jenayah dan menjadi pengalaman yang memeritkan selepas penjenayah mengalaminya serta menjadi peringatan kepada orang lain supaya takut untuk melakukan kesalahan tersebut. Batasan hukuman adalah berdasarkan keperluan masyarakat. Sekiranya keperluan masyarakat terhadap kesan daripada sesuatu perbuatan jenayah itu sampai ke tahap perlu menghapuskan penjenayah atau menjauhkannya, maka hukuman yang sesuai dan perlu adalah hukuman mati atau penjara seumur hidup. Setiap hukuman yang diperuntukkan oleh syarak adalah untuk kebaikan individu dan melindungi masyarakat. Pelaksanaan sesuatu hukuman bukan bertujuan membala dendam.”

Prinsip-prinsip yang digariskan oleh Abd Qadir Audah sangat menepati arus perubahan drastic yang melanda masyarakat Islam masakini dan ianya penting untuk diteliti bagi melihat sama ada hukuman sedia ada memenuhi prinsip tersebut. Hukuman yang tidak mematuhi prinsip-prinsip tersebut mungkin menyebabkan hukuman yang dijatuhkan akan menjadi sia-sia. Akhirnya, sesuatu kesalahan jenayah tidak akan berjaya ditangani. Penulis mencadangkan agar skop kajian bagi melihat sejauh mana pelaksanaan hukuman sedia ada berkesan menangani krisis akhlak di kalangan pesalah remaja dilaksanakan bagi mengatasi krisis akhlak yang semakin meruncing ini.

## **PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

Dalam satu penulisan berhubung Personaliti dari Perspektif al-Ghazali, dinyatakan bahawa personaliti baik yang dikehendaki dalam Islam boleh dimiliki oleh setiap individu muslim. Ini kerana ia boleh dibentuk dan dipupuk oleh individu itu sendiri. Secara fitrahnya personaliti individu muslim itu adalah baik. Namun begitu, sebagaimana yang dikatakan, ia bergantung kepada bagaimana ianya dibentuk. Sekiranya dengan cara yang salah maka ia akan membentuk personaliti yang rosak, buruk dan tidak baik (Fariza Md Sham, Salasiah Hanim Hamjah, Mohd. Jurairi Sharifudin, 2013).

Penulis bersetuju dengan penulisan tersebut, namun dalam konteks pembinaan sebuah masyarakat yang mempunyai nilai personaliti yang tinggi, pihak berkuasa memainkan peranan yang penting dalam membentuk dan mengawal personaliti masyarakatnya agar krisis akhlak yang membimbangkan pada hari ini tidak berpanjangan. Memandangkan undang-undang boleh berperanan sebagai antara kaedah dan benteng penyelesaian masalah, maka penguatkuasaan secara berkesan perlu dilakukan agar ia mencapai matlamat dari sudut perundangan.

Tindakan bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menghasilkan satu dasar dan garis panduan piawai yang mampu menyelaraskan tugas-tugas penguatkuasaan ke arah yang lebih sistematik harus diberi pujian. Tujuan Arahan Tetap tersebut adalah untuk dijadikan garis panduan umum dalam menguatkuasakan undang-undang kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri. Usaha ini menunjukkan bahawa pihak JAKIM sangat komited dalam usaha menguatkuasakan undang-undang Jenayah Syariah. Walaupun ia merupakan arahan pentadbiran, namun ia perlu dirujuk dan diikuti oleh semua Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) dalam menjalankan tugas.

Di Selangor, Arahan Tetap Pengarah JAIS 2002 (Pindaan 2004) yang khusus berkenaan dengan kaedah menangani maklumat dan aduan daripada

orang awam telah diwujudkan. Selain itu, JAIS juga mengeluarkan Arahan Tetap Pengarah JAIS 2003 bagi melaksanakan tindakan pencegahan seksyen 31 Enakmen Jenayah Syariah Selangor (No.9. Tahun 1995) iaitu kaedah-kaedah bagi menangani dan mengendalikan kesalahan/perlakuan tidak sopan di tempat awam. Arahan ini berkuatkuasa mulai 11hb Ogos 2003. (Siti Zubaidah Ismail, 2008).

Kewujudan beberapa arahan tetap ini telah membuktikan kesungguhan pihak berwajib di peringkat penggubal dasar dalam menangani masalah sosial. Maka ia perlu dilaksanakan secara telus dan bersungguh di peringkat penguatkuasaan dan pelaksanaan tanpa sebarang pengecualiann atau campurtangan mana-mana pihak luar yang boleh menggagalkan objektif perundangan.

## **RUMUSAN**

Kepentingan akhlak dalam pembentukan tamadun sememangnya tidak pernah dipertikai dalam mana-mana ajaran kerana ia adalah indikator sebenar dalam menilai kualiti kecemerlangan sesebuah tamadun. Penulis berpandangan bahawa pembentukan akhlak seseorang pada asasnya bergantung kepada bagaimana ia dibentuk dan dijiwai, seterusnya menjadi sebatи sebagai nilai-nilai kerohanian dalam diri seseorang.

Sebanyak mana seseorang menjiwai dan menghayati kemuliaan sifat dan nilai murni yang diajar oleh Islam, maka sebanyak itulah ukuran akhlak yang akan ditonjolkan oleh individu tersebut. Namun, tidak dinafikan, pembentukan akhlak turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan beberapa faktor lain seperti penekanan terhadap didikan agama oleh ibu bapa berdasarkan kepada hadis Rasulullah saw yang bermaksud "Seseorang anak yang dilahirkan itu adalah dalam keadaan fitrah (bersih), maka ibu bapalah yang menjadikannya yahudi, nasrani atau majusi (hadis riwayat al-Bukhari).

Dalam konteks pembinaan akhlak masyarakat dalam sebuah Negara, pihak pemerintah juga memainkan peranan penting dalam menentukan nilai jatidiri masyarakatnya. Sesuai dengan fungsi syariat dan perundangan sebagai benteng utama ke arah membentuk akhlak sebagaimana yang telah dibincangkan, maka penguatkuasaan undang-undang secara serius perlu dilaksanakan secara berterusan dan dikawalselia oleh pihak yang dipertanggungjawabkan tanpa ada sebarang unsur sabotaj dan campurtangan pihak luar bagi memastikan agenda menangani krisis akhlak dapat ditangani dengan lebih berkesan dan mencapai syariat Islam sepenuhnya.

## **RUJUKAN**

Abdul Majid bin Omar Timbalan Mufti Selangor, 2012, Kertas kerja ini dibentangkan pada Kempen ‘*Sah Nikah, Sah Nasab*’, anjuran Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM, 18 Mac 2013, di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor. 1

Abdul Rahman bin Haji Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Islam*, Pustaka Darussalam, Edisi Kedua, 2007.

Johari Yaman, Azhari bin Hj Ibrahim, terj. *Bimbingan Mukmin*, Nadi Minda Resoucers, 2010.

Paizah Hj Ismail, *Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia*, Jurnal Fiqh: No. 4 (2007) 237-250

Yusuf Al-Qardhawi, *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*, terj. Ustaz Mohamad Zaini Yahaya (Penerbitan Seribu Dinar, 2012), 137

Siti Zubaidah Ismail. *Dasar dan Amalan Penghukuman Kes Jenayah di Mahkamah Syariah: Ke mana halatuju?* JH 27 Bhg 1 1430H

Siti Zalikhah Haji Md. Nor et.al, *Al-Syariah Konsep dan Perundangan Islam.*

Jilid 1. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. 1999.

Siti Zubaidah Ismail, *Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah*

*Syariah Di Malaysia: Satu Analisis*, Jurnal Syariah, Jil. 16, Keluaran Khas (2008) 537-554

S. M. Ziauddin Alavi, Muslim Educational Thought in the Middle Ages,

Atlantic Publishers & Distri, 1988.

Zaini Nasohah, *Beberapa Aspek Mengenai Hukuman Jenayah dalam Islam.*

Al- Syariah Jilid 4, Fiqh Jenayah, Siti Zalikhah Md Nor et al. Dewan Bahasa dan Pustaka 2008.

## **ARAHAN TETAP/PEKELILING**

Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 (Garis Panduan

Penguatkuasaan Undang- Undang Jenayah Syariah)

Arahan Tetap Pengarah JAIS 2002 (Pindaan 2004)